

**UJIAN DIAGNOSTIK: KEPENTINGANNYA DALAM  
PROSES PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN  
BAHASA MELAYU**

**Konvensyen Pedagogi Bahasa Melayu Serantau I**

**Tema:  
“Pesona Dalam Pendidikan Bahasa Melayu”**

3 – 5 November 2009  
Hotel Klana Resort, Seremban

**Muhammad Saiful Haq b. Hussin, Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur**

# UJIAN DIAGNOSTIK: KEPENTINGANNYA DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMELAJARAN BAHASA MELAYU

Oleh

**Muhammad Saiful Haq b. Hussin, Ph.D..**  
**Jabatan Bahasa Melayu**  
**Akademi Pengajian Melayu**  
**Universiti Malaya**  
**Kuala Lumpur**

Mel elektronik: [ipul62@um.edu.my](mailto:ipul62@um.edu.my)

## **Abstrak**

Kertas kerja ini akan membincangkan pembinaan bahan Ujian Diagnostik dan pengaplikasiannya dalam memainkan peranan bagi membolehkan penilaian dan ukuran di buat ke atas seseorang murid sebelum mereka meneruskan pemelajaran. Kajian yang dilakukan di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra, Kota Bharu, Kelantan ini bertujuan mengenalpasti sampel kajian untuk digunakan dalam kajian yang selanjutnya. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penguasaan bacaan murid pada peringkat awal dalam konteks mengenal huruf dan membatang suku kata adalah sangat baik, namun demikian permasalahan menjadi lebih rumit dan semakin kompleks setelah mereka dikehendaki membaca soalan dan menjawabnya pada peringkat kata dan ayat. Oleh hal yang demikian, memandangkan permasalahan tersebut selalunya dominan dari tahun demi tahun, maka kajian yang berterusan dari segi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pemelajaran perlulah dikenalpasti serta dipertingkatkan bagi membolehkan mereka menguasai asas bacaan. Dalam hal ini juga, diharapkan suatu jalan penyelesaian yang menyeluruh haruslah diusahakan agar cita-cita untuk melahirkan modal insan sebagaimana yang dihasratkan melalui misi dan visi negara yang bertunjangan kepada pendidikan awal ini dapat direalisasikan.

## **Pendahuluan**

Masalah penguasaan kosa kata asas dalam Bahasa Melayu merupakan satu hal yang amat penting, namun demikian permasalahan tersebut sehingga kini tidak ada kesudahannya walaupun terdapat kajian dan pelbagai usaha yang dilakukan untuk mencari punca serta menyelesaikannya. Sebagai manifestasi daripada masalah ini didapati keputusan peperiksaan SPM 2000 telah mencatatkan sebanyak 12.8% atau 49 966 daripada 389 471 calon gagal memperolehi sijil kerana tidak lulus mata pelajaran Bahasa Melayu seperti yang disyaratkan dalam pengajian (Berita Harian, 27 Februari 2001). Apa yang menyedihkan kita ialah 45 125 orang daripada calon tersebut adalah calon sekolah daripada Kementerian Pendidikan.

Sehubungan dengan itu kenyataan Timbalan Menteri Pelajaran YB. Dr. Mohd. Fuad Zarkashi baru-baru ini yang menyatakan “Kementerian Pelajaran mengenalpasti 85 000 murid Tahun 1 masih belum boleh membaca dan menulis. Oleh hal yang demikian kerajaan mensasarkan 85% kanak-kanak mengikuti kelas prasekolah pada 2012 berbanding hanya 65% sekarang. Sasaran akhirnya kerajaan akan memastikan setiap kanak-kanak walau di mana mereka berada akan mendapat pendidikan prasekolah” (Berita Harian, 12 September 2009: 7).

Oleh hal yang demikian kajian ini akan mengenalpasti masalah penguasaan kosa kata asas dalam Bahasa Melayu yang wujud pada peringkat Tahun 1 (asas pendidikan formal). Permasalahan yang timbul pada peringkat ini perlulah diberikan penekanan dengan cara menerapkan pembelajaran Bahasa Melayu yang betul. Oleh sebab itu, kajian ini sebagai satu alternatif pendekatan yang praktikal untuk menguji pelajar dalam konteks pemahaman dan penguasaan mereka pada peringkat kosa kata asas Bahasa Melayu.

Kajian dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra yang terletak di jalan Merbau Kota Bharu dan dirasmikan pada tahun 1957 dengan nama asalnya *Merbau English School*. Pada tahun 1963, sekolah ini dipindahkan ke Wakaf Mek Zainab dan nama sekolah ini ditukar kepada Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra. Pada tahun yang sama juga sekolah ini ditumpangkan oleh Sekolah Rendah Kebangsaan Ismail Petra dan kemudiannya berpindah ke tapak baru di kompleks sekolah-sekolah. Daripada paparan sejarah, nama Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra diambil sempena nama Tengku Indera Petra Ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, iaitu kekanda kepada Al-Marhum Sultan Yahya Petra.

Kebanyakan guru-guru yang bertugas di sekolah ini berasal dari negeri Kelantan, namun ada juga yang berasal dari luar negeri Kelantan. Mereka telah mendapat latihan perguruan asas dan lanjutan secara formal di maktab-maktab perguruan dan institusi pendidikan tinggi awam di dalam negara. Kebanyakannya mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun ke atas. Kebanyakan daripada mereka berminat dengan tugas dan profesion perguruan yang diceburi.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut :

1. Untuk menganalisis tahap penguasaan kosa kata asas pelajar Tahun 1.
2. Untuk mengetahui kebolehan kemahiran membaca pelajar Tahun 1.
3. Untuk mengetahui kebolehan pelajar Tahun 1 memahami apa yang dibaca.

## **Metodologi**

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan dengan menjalankan pengujian ke atas sampel dan diuji di sekolah yang dikenalpasti. Tujuannya ialah untuk melihat masalah penguasaan kosa kata asas di kalangan murid-murid Tahun 1, khususnya dalam konteks penguasaan mereka dalam ujian diagnostik. Selain daripada itu kajian kepustakaan juga dilakukan untuk meninjau kajian-kajian yang berkaitan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

## **Kerangka Teori**

Penyelidik telah mendasari dua teori yang masyhur dalam hubungannya dengan pemerolehan dan penguasaan bahasa, iaitu teori Behaviourisme dan Teori Mentalisme. Penyelidik juga menggunakan Teori Monitor yang digunakan oleh Krashen dalam pemerolehan bahasa kedua (B2) di kalangan pelajar, namun demikian teori tersebut telah dimodifikasi berasaskan kepada cara murid-murid memproses bahasa, berdasarkan pertimbangan secara sedar atau tidak sedar dalam penguasaan bahasa pertama (B1). Kerangka teori tersebut akan diaplikasikan dalam kajian dan dapatan yang selanjutnya.

## **Kajian Tentang Teori Behaviorisme**

Dalam kurun ke-19 J.B. Watson (1878-1958) hanya mengkaji lakuan dan tidak mementingkan pengalaman sedar. Lakuan padanya hanyalah gerak-gerak otot dan

tidak lebih daripada itu. Penafiannya terhadap sesuatu yang subjektif menyebabkan dia dapat membuat kajian terhadap perkara-perkara yang sedar. Inilah sumbangan yang besar, iaitu penolakannya terhadap pembezaan jasad dan fikiran, dan telah menjadi pegangan ramai ahli psikologi lakuan.

E.R. Guthrie dalam bukunya *The Psychology of Learning* (1935) berpendapat bahawa, pemelajaran itu berlaku dengan adanya rangsangan dan diikuti dengan gerak balas. Dengan kata lain, yang dimaksudkannya ialah kalau sesuatu gerak balas itu berlaku dalam sesuatu keadaan tertentu, maka semasa kita berada dalam keadaan seperti itu pada masa yang lain, maka kita akan melakukan gerak balas yang sama. Apabila ada rangsangan dan tindak balas, maka berlakulah pembelajaran. Namun demikian dalam hal-hal tertentu keadaan ini ada pengecualiannya.

Skinner, seorang ahli behaviouris dari universiti Harvard, juga berpegang kepada teori behaviourisme, beliau menjalankan eksperimen dengan menggunakan merpati. Hasilnya beliau telah menemui konsep pengukuhan. Baginya pengukuhan dianggap sebagai asas pembelajaran. Skinner juga mendakwa ada dua jenis pembelajaran. Pertama ialah lakuan responden, iaitu gerakbalas yang automatik dan tetap. Misalnya, kaki akan terangkat kalau lutut diketuk oleh doktor. Itu merupakan satu lakuan yang ada rangsangan (ketuk) dan ada gerak balas (kaki terangkat). Ini adalah lakuan responden yang berlaku secara automatik.

Kedua ialah lakuan operan. Lakuan ini berlaku mengikut lingkungan atau keadaan. Misalnya, lakuan menelan makanan bukan sahaja kerana rangsangan terlihat makanan tetapi juga rasa lapar, lingkungan sosial, dan beberapa lingkungan atau suasana yang berlainan. Belajar melalui lakuan operan itulah yang dikatakan pensyaratan, tetapi lain daripada gerakbalas otot secara automatik. Bagi Skinner kebanyakan lakuan ialah jenis operan.

Menurut Skinner lagi dalam bukunya *Verbal Behavior* (1957), menyatakan bahawa pengukuhan menambah kemungkinan berlakunya gerak balas. Bagi beliau, "lakuan bahasa ialah suatu lakuan yang diperkukuh oleh seseorang pendengar dan berkembang menurut prinsip yang sama dengan lakuan operan yang lain. Dalam beberapa keadaan tertentu, penutur itu juga menjadi pendengarnya sendiri dan memperkukuh lakuan

bahasanya sendiri”. Dari sinilah terbitnya kaedah latih tubi, iaitu rangsangan dan gerak balas dalam sesuatu pelajaran bahasa itu disenaraikan menurut polanya, iaitu lakuan yang boleh dikaji dari segi rangsangan dan gerak balas. Latih tubi itu akan menimbulkan tabiat yang dapat dikukuhkan dan akan lekat dipelajari sebagai tabiat, hasil daripada suasana pengukuhan yang terlibat dalam menghasilkan pemelajaran secara maksimum.

Selepas Skinner, R. Brown dalam bukunya *A First Language: The Early Stages (1974)*, telah mengkaji perkembangan bahasa kanak-kanak dari segi pembentukan ayat. Banyak lagi usaha lain yang membaiki konsep Skinner dan ada implikasinya terhadap kaedah-kaedah pengajaran bahasa, sehinggalah muncul pula golongan neobehaviourisme.

Psikologi adalah merupakan satu bidang yang sangat berpengaruh dalam bidang pemelajaran bahasa. Oleh itu, teori psikologi telah menyelidik tabiat dan tingkahlaku. Aliran behaviourisme menganggap bahawa pembelajaran sebagai perubahan dalam tingkahlaku. Teori pembelajaran mereka pada umumnya berfokuskan kepada perubahan dalam tingkah laku yang dapat diperhatikan.

### **Kajian Tentang Teori Mentalis**

Chomsky (1967), dengan keras menafikan pendapat behaviourisme ini. Pemerhatian beliau terhadap bahasa kanak-kanak melalui penghayatan mereka ke atas peraturan-peraturan bahasa telah membuktikan bahawa, bahasa itu adalah hasil daripada proses pemikiran. Perkaitan antara bahasa dan fikiran merupakan teras fikiran aliran Mentalis yang dipelopori oleh Chomsky. Dalam penafiannya itu, Chomsky menyatakan bahawa teori behaviourisme itu hanya sebuah khayalan. Baginya behaviourisme tidak memberi tempat kepada “taraf akal yang lebih maju yang ada pada manusia”. Behaviourisme tidak mengendahkan kemampuan otak manusia terhadap pembelajaran bahasa. Cara kanak-kanak mempelajari bahasa mungkin lebih bermanfaat kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam mengkaji bagaimana kanak-kanak mempelajari bahasa, maka tidaklah dapat dinafikan bahawa, kanak-kanak banyak mempelajari lakuan berbahasa atau bukan bahasa melalui “pengamatan atau peniruan secara tidak sedar

terhadap apa yang dibuat oleh orang dewasa atau kanak-kanak lain”. Kanak-kanak tidak belajar hanya melalui perancangan bahasa yang rapi daripada ibu bapa mereka.

Pada umumnya orang beranggapan bahawa kanak-kanak lebih mudah menguasai bahasa jika dibandingkan dengan orang dewasa. Lenneberg (1967: 175) pula mendakwa bahawa “pembelajaran bahasa secara alamiah melalui pendedahan sahaja” dapat berlaku pada waktu kritikal, iaitu kira-kira pada tahap umur antara dua tahun hingga baligh. Sebelum seseorang kanak-kanak itu berumur dua tahun, pembelajaran bahasanya terhad kerana kekurangan kematangan otak. Selepas baligh, bahasa harus diajarkan dan dipelajari melalui pendedahan dengan usaha yang sedar dan berat. Pendapat beliau ini juga disebabkan oleh waktu biologi yang telah ditetapkan itu.

Teori pembelajaran Noam Chomsky dan rakan-rakan yang sealiran dengannya menganggap bahawa kanak-kanak yang terdedah kepada sesuatu bahasa itu mempunyai kebolehan semula jadi untuk merumus dan membentuk hukum nahu bahasa tersebut. Sekiranya tidak ada pendedahan, maka penguasaan bahasa tidak akan berlaku kerana Alat Perolehan Bahasa (LAD) tidak mendapat sebarang bahan untuk diproses (Abdullah Hassan 1983: 260). Alat ini jugalah yang turut membezakan antara manusia dengan haiwan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah, bagi orang-orang yang berakal.

(Surah Ali-Imran : 190)

Pada peringkat membesarnya, kanak-kanak itu pandai mengeluarkan ayat-ayat yang belum pernah didengarnya dahulu, atau memahami ayat-ayat tersebut. Kebolehan ini menunjukkan ada proses penting yang tidak bersangkut paut dengan makluman balik daripada lingkungan atau rangsangan. Jadi teori Skinner yang menyatakan pembelajaran itu berlaku mengikut perancangan lakuan berbahasa melalui pengukuhan itu sama sekali ditolaknyanya, alasan tersebut berdasarkan kepada “sebenarnya dalam pemerolehan bahasa, adalah jelas bahawa pengukuhan, pengamatan secara tidak sedar dan sifat ingin tahu semulajadi (lengkap dengan kecenderungan kuat untuk

meniru) adalah faktor-faktor penting, samalah juga dengan kemampuan yang istimewa yang ada pada pelajar itu untuk membuat generalisasi, hipotesis dan memproses maklumat dalam beberapa cara yang khusus dan amat kompleks, yang tidak dapat kita deskripsikan atau cuba memahaminya, yang sebahagian besarnya mungkin 'inat', atau mungkin akan berkembang melalui satu cara pembelajaran melalui pendewasaan sistem sarafnya." (Abdullah Hassan 1996: 65)

Aliran yang menentang kaedah pengajaran berdasarkan fahaman behaviourisme yang dijelaskan di atas terbahagi kepada dua jenis. Pertama guru-guru bahasa sendiri yang sentiasa menentang akan sebarang perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Hal ini timbul daripada perasaan terancam oleh perkembangan baru itu dan ditolak sebelum kaedah baru diberi perhatian yang sewajarnya. Penolakan sebarang yang baru ini hanyalah satu sikap yang ingin mengekalkan *status quo* sahaja. Kedua, ialah aliran transformasi yang mempunyai teori yang berlainan tentang sifat bahasa itu sendiri dan proses bagaimana bahasa itu berkembang di kalangan kanak-kanak. Pendapat-pendapat baru itu banyak memberi sumbangan terhadap aliran struktur, dalam proses menjadi dwibahasa atau mempelajari bahasa kedua. Aliran transformasi ini mempunyai pengaruh yang besar dalam perancangan bahan mengajarkan bahasa. Hal yang demikian sekaligus memberi sumbangan yang berkesan dalam pembelajaran bahasa kalau dibandingkan dengan fahaman struktur.

Aspek bahasa yang diterangkan dengan lebih berkesan oleh aliran transformasi ialah sifat kreatif bahasa itu sendiri. Misalnya, dalam mempelajari bahasa, apa yang berlaku ialah pelajar bukan sekadar mempelajari senarai panjang ayat-ayat sahaja tetapi lebih daripada itu. Bahasa bukan hanya terdiri daripada jumlah rumusan tatabahasa yang boleh dilihat atau dihafal sahaja. Pelajar itu sebenarnya telah mempelajari suatu proses daya kreatif yang membolehkan wujudnya perkembangan. Jadi, bagi aliran struktur, pembelajaran bahasa itu melibatkan kebolehan pelajar menggunakan rumusan-rumusan tersebut. Aliran transformasi menyatakan bahawa pembelajaran bahasa itu ialah proses menyerap rumusan-rumusan tatabahasa itu bersama-sama kemahiran tatabahasa yang sedia ada pada manusia itu. Kemahiran ini bersifat 'inat' atau tersembunyi dan tercetus apabila pembelajaran bahasa itu bermula. Ini adalah pendekatan mentalisme, yang bertentangan dengan pendekatan behaviouris atau mekanikal.



Selama ini belum pernah disentuh perkara yang kita maksudkan dengan istilah yang bahasa itu kreatif, menyebabkannya boleh dipelajari. Sebenarnya tidak ada bahasa yang betul-betul sama antara satu sama lain, tetapi kedua-dua bahasa tersebut juga tidaklah betul-betul berbeza. Bagi orang ramai, mereka melihat apa yang nyata iaitu dua bahasa itu adalah berlainan, iaitu secara luar dua bahasa itu memanglah berlainan sama sekali. Apabila dilihat struktur dalaman bahasa itu, maka ternyata ada persamaannya. Persamaan inilah yang menyakinkan kita bahawa bahasa itu boleh dipelajari.

Aliran Mentalis memang bersandarkan kepada tingkah laku manusia. Bukti-bukti empirik yang ditunjukkan adalah berdasarkan pemelajaran bahasa kanak-kanak dan ciri-ciri kesejagatan bahasa yang memerlukan struktur minda yang tersembunyi. Oleh itu bahasa dikatakan kreatif dan boleh dipelajari. Dengan itu, kita boleh menggunakan unsur-unsur yang terhad yang ada dalam sesuatu bahasa itu, dan menghasilkan ungkapan yang lebih besar, misalnya, dengan menggabungkan kata-kata, kita dapat menerbitkan jumlah ayat yang tidak terhitung banyaknya. Hal ini boleh berlaku setelah seseorang itu menguasai sistem tatabahasanya.

Dakwaan ini selari dengan pendapat Chomsky (1980), sebagai pengasas LAD beliau melihat minda sebagai modular, dan LAD sebagai satu daripada berbagai-bagai alat mental yang berinteraksi dengan input-input linguistik untuk menghasilkan kecekapan berbahasa. Dari kacamata Chomsky, LAD telah wujud dalam minda kanak-kanak sebelum dia menerima input linguistik dari persekitarannya. LAD dipengaruhi linguistik-linguistik secepat dan menerbitkan tatabahasa yang dikira sebagai output.

### **Teori Krashen**

Menurut Krashen melalui Teori Monitornya pula, "Pemerolehan" berlaku di bawah sedar, yakni sama dengan cara seorang kanak-kanak memproses bahasa yang diperolehinya secara tidak langsung (Krashen 1985: 1). Manakala "Pemelajaran" pula berlaku secara sedar dan berkesudahan dengan mengetahui sesuatu bahasa (Krashen 1981:1). Krashen mengenal pasti pemelajaran (secara sedar) berdasarkan pertimbangannya terhadap peraturan tatabahasa. Manakala pemerolehan (bawah


sedar) dikaitkan dengan pertimbangan “perbuatan merasa” (Krashen *et al.* 1978: 73-92). Pendekatan yang seperti ini nampak kabur kerana sukar diketahui sama ada sesuatu sampel kajian benar-benar menggunakan peraturan tatabahasa atau perbuatan merasa. Bagi Krashen (1982:15), pemelajaran hanya mempunyai satu fungsi sahaja, iaitu sebagai monitor. Pada asasnya, pemerolehan-pemerolehan merupakan hasil yang diperoleh melalui komunikasi, dan monitor berperanan mengubahsuai pemerolehan-pemerolehan supaya menepati norma-norma sesuatu bahasa sasaran. Krashen berpendapat, pengetahuan sedar tentang peraturan bahasa tidak membantu pemerolehan. Pengetahuan sedemikian sekadar membolehkan individu menggilap struktur bahasa yang diperolehinya melalui komunikasi. Pengajaran bahasa sepatutnya berorientasikan komunikasi, bukannya pemelajaran tentang peraturan bahasa. Dalam hal ini juga monitor bertindak sebagai penyunting bahasa yang dikawal secara sedar. Monitor boleh mengubah pertuturan yang dihasilkan melalui pemerolehan.

Melalui Hipotesis Susunan Semula jadi pula, Krashen (1985:1) menyatakan bahawa manusia memperoleh peraturan-peraturan bahasa dalam satu susunan yang boleh diramal. Terdapat peraturan bahasa yang terbit awal dan ada juga yang terbit lewat. Susunan ini berbeza daripada peraturan bahasa yang diajar di dalam bilik darjah. Susunan pemerolehan bahasa yang semula jadi ini dianggap sebagai hasil daripada sistem bahasa yang telah diperoleh pelajar, dan bebas daripada penggunaan monitor atau tatabahasa yang beroperasi secara sedar.

Melalui Hipotesis Input pula Krashen (1985:2), menyatakan semasa sedang menguasai struktur linguistik yang baru; pelajar melalui fasa penguasaan bahasa semula jadi dengan cara beransur-ansur. Hipotesis Input mengemukakan usul bahawa manusia memperoleh bahasa dengan menerima input yang dapat difahaminya. Manusia dikatakan menerima input yang bermula dari  $i$ , yakni tahap penguasaan semasa yang pelajar miliki, ke  $i + 1$ , dan berganjak ke tahap selanjutnya di sepanjang fasa-fasa penguasaan bahasa yang semula jadi itu dengan memahami input asas yang mengandungi  $i + 1$ . Hipotesis ini boleh juga diaplikasikan ke atas pemerolehan bahasa pertama (B1). Ini kerana, pertama, pertuturan adalah hasil pemerolehan bahasa, bukannya penyebab pemerolehan bahasa. Ujaran tidak dapat diajar dengan secara langsung; tetapi terbit dengan sendiri, hasil pembinaan bahasa melalui pemahaman tentang input. Kedua, jika input yang difahami itu mencukupi, tatabahasa akan

dibekalkan dengan spontan. Hal ini bermakna guru bahasa tidak perlu mengajar struktur tatabahasa yang selanjutnya kerana struktur tersebut akan dibekalkan dengan spontan jika pelajar cukup memahami sesuatu input bahasa. Dengan sendirinya, tatabahasa bahasa sasaran akan diperoleh (Krashen 1985:2).

Selanjutnya melalui Hipotesis Filter Afektif, beliau menyatakan, sesuatu pemerolehan bahasa memerlukan input yang lengkap. Walau bagaimanapun input yang lengkap belum dapat memenuhi syarat untuk berjaya menguasai sesuatu bahasa sasaran. Faktor-faktor afektif juga memainkan peranan yang penting. Hipotesis Filter Afektif mengatakan input yang dapat difahami tidak akan digunakan oleh penutur B2 jika terdapat sekatan mental yang menghalang input itu daripada digunakan dengan sepenuhnya (Krashen 1982: 3). Filter afektif bertindak sebagai dalang atau pemangkin kepada pemerolehan bahasa. Hal ini digambarkan pada Rajah 1.




Sumber: Dipadankan daripada Krashen, 1982 (dlm. MgLaughlin 1989:52)

Rajah 1 : Cara Filter Afektif Beroperasi

Jika filter menurun, input akan sampai kepada LAD (Language Acquisition Device) atau alat pemerolehan bahasa lalu menjadi kecekapan bahasa. Jika filter menaik input akan tersekat dan tidak akan sampai kepada LAD. Yang demikian, kecekapan bahasa tidak akan diperoleh. Disini jelas bahawa faktor-faktor afektif boleh bertindak memudah atau mengendalakan penghantaran input kepada LAD (Krashen 1982: 32). Untuk memperoleh sesuatu bahasa, pelajar perlu didedahkan kepada input-input bahasa. Sebagai contoh, apabila filter menaik, pelajar faham apa yang dilihat dan didengarnya, tetapi input tersebut tidak akan sampai kepada LAD jika pelajar tidak diberi motivasi, keyakinan atau terlampau memikirkan tentang kegagalan. Filter akan menurun apabila pelajar berhasrat untuk menjadi ahli kumpulan penutur sesuatu bahasa sasaran.

Akhirnya kita dapati bahawa kepercayaan Chomsky tentang tatabahasa sejagat akan sama dengan kepercayaan Krashen jika diperhitungkan beberapa andaiannya, iaitu; Pertama, kanak-kanak atau orang dewasa merencanakan tatabahasanya dengan menggunakan LAD. Kedua, untuk menghasilkan input bahasa sasaran, Penutur perlu mendesak LAD agar menggunakan tatabahasa sejagat yang diperoleh sejak kecil. Krashen (1985:24) mendakwa perbezaan maksud “pemerolehan-pemerolehan bahasa” sama dengan perbezaan maksud “untuk mengetahui akan kewujudan sesuatu berdasarkan pancaindera atau sebaliknya”: seperti yang dikemukakan oleh Chomsky pada tahun 1975. Jelaslah di sini bahawa konsep Chomsky tidak mempunyai batas sempadan dengan konsep yang dikemukakan oleh Krashen. Konsep tersebut dikaitkan dengan penggunaan deria baik secara sedar atau tidak sedar (Chomsky 1975: 165). Manakala Krashen pula mengaitkan “pemerolehan” dengan bawah sedar sahaja. Sebagai rumusannya kita dapati bahawa ahli-ahli psikolinguistik menyatakan bahawa, pemerolehan dan penguasaan bahasa adalah satu proses memasukkan bahasa ke dalam otak kanak-kanak melalui pancaindera.

### Kerangka konsep



Rajah 2 : Pembentukan kemahiran hasil daripada kaitan di antara rangsangan, pemikiran dan gerak balas.

Rajah 2 menunjukkan bahawa pemelajaran adalah proses melakukan berbagai-bagai gerak balas yang disebabkan oleh sesuatu rangsangan, hasil daripada proses pemikiran yang berlaku di dalam minda. Kemudiannya diikuti dengan memilih gerak balas yang sesuai; mengulang-ulangkan atau mengamalkan gerak balas yang dipilih itu hingga

akhirnya terbentuklah kemahiran. Sesuatu kemahiran itu akan dipelajari dan terbentuk setelah melalui beberapa proses yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Melalui Hipotesis Perolehan-Pemelajaran Bahasa dikatakan bahawa perolehan bahasa diperolehi secara bawah sedar, manakala pemelajaran bahasa pula diperolehi secara sedar.

### **Ujian Diagnostik**

Ujian Diagnostik merupakan suatu alat pengukuran yang membolehkan guru (biasanya guru pemulihan khas) dan juga guru lain mengesan punca dan kawasan kelemahan murid secara terperinci.

### **Tujuan Ujian Diagnostik**

Antara lain tujuan ujian diagnostik diadakan adalah untuk membantu guru:

- Mengenalpasti secara khusus kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh murid semasa menguasai kemahiran yang diajarkan oleh guru.
- Mengenalpasti kumpulan tertentu mengikut kebolehan dan kawasan-kawasan kesukaran yang dihadapi oleh murid.
- Membantu guru merancang suatu program pengajaran yang khusus pada individu atau kumpulan dengan lebih tepat dan sistematik.
- Merancang dan membina program dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian mengikut tahap kemahiran murid.

### **Membina Ujian Diagnostik**

Pembinaan sesuatu ujian diagnostik perlulah mengutamakan beberapa perkara, antara lainnya ialah, objektif ujian; kemahiran yang hendak diuji; bagaimana hendak menguji secara individu atau kumpulan dan siapakah atau sasaran yang hendak diuji. Ujian juga perlulah dirancang dengan cermat, teliti dan sempurna agar dapat memberikan penilaian yang lebih adil terhadap murid. Oleh sebab itu, borang Jadual Penentu Ujian

perlu disediakan. Pembinaan ujian sama ada berbentuk lisan dan bertulis adalah sesuai untuk menilai kesukaran yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran mereka. Dari segi kemahiran yang hendak diuji pula, kemahiran tersebut hendaklah diajar terlebih dahulu dan ianya perlu disusun dari senang ke susah. Item yang hendak dibina mestilah dibuat berdasarkan kemahiran yang telah diperincikan terlebih dahulu.

### **Pelaksanaan dan Panduan Mentadbir Ujian Diagnostik**

Pelaksanaan ujian diagnostik hendaklah dilakukan setelah guru mengenal pasti murid-murid yang dipilih untuk mengikuti program Bahasa Melayu (biasanya murid pemulihan). Ujian diagnostik lisan perlu dijalankan secara individu, manakala ujian diagnostik bertulis pula dijalankan secara kumpulan kecil yang tidak melebihi empat orang dalam suatu masa, namun demikian dalam keadaan tertentu ujian tersebut bolehlah dijalankan secara kelas.

Lantaran ujian diagnostik disediakan mengikut turutrn kognitif yang paling rendah kepada yang paling tinggi; pengetahuan, pemahaman, penggunaan maka hendaklah dimulakan dengan ujian lisan dan diikuti dengan ujian bertulis. Dalam hal ini ujian akan diberhentikan sekiranya seseorang yang diuji itu didapati gagal menjawab semua item dengan betul dalam tiga kemahiran berturut-turut. Setiap jawapan murid dalam ujian lisan hendaklah direkodkan. Akhirnya keputusan ujian diagnostic dapat member panduan kepada guru untuk menyusun suatu program pengajaran kepada murid tersebut.

Semasa menjawab soalan ujian diagnostik murid hendaklah diberikan masa yang mencukupi supaya mereka dapat memjawabnya dengan tenang dan selesa. Markah ujian yang mereka dapati tidak penting tetapi apa yang lebih penting ialah keterangan-keterangan atau data-data yang diberi untuk membolehkan mereka mengetahui cara untuk belajar itu yang menjadi lebih penting. Namun demikian, semua jawapan yang diberikan oleh murid hendaklah diteliti oleh guru, supaya guru tahu kemahiran yang tidak dikuasai oleh murid dan bahagian kesilapan yang murid lakukan. Setiap kesalahan dan kesilapan yang dilakukan oleh murid hendaklah direkodkan untuk menjadi panduan dan kegunaan kepada guru apabila ianya diperlukan.

## **Analisis Ujian Diagnostik**

Semasa melakukan penganalisan, setiap kemahiran yang dilakukan oleh murid hendaklah direkodkan dalam boring analisis. Hasil analisis ujian diagnostic itu nanti akan menjadi asas kepada guru untuk merancang Rancangan Pengajaran Kumpulan (RPK).

## **Ujian Diagnostik Pengamatan**

Dalam proses awal pembelajaran kanak-kanak, landasan kemahiran yang kukuh amatlah penting. Justeru itu, ujian pengamatan patut diberikan kepada murid-murid untuk melihat faktor kesukaran murid dalam penerimaan pengajaran bacaan. Apa yang dimaksudkan tentang pengamatan ialah suatu proses yang menimbulkan makna kepada tugas-tugas pancaindera melalui pertolongan pengalaman-pengalaman lalu. Pengamatan sangat berkait rapat dengan pemikiran. Dalam hal ini pengamatan merupakan suatu kemahiran yang boleh dikembang dan dipelajari. Walaupun pengamatan dikatakan berkait rapat dengan darjah kecerdasan seseorang kanak-kanak itu, namun ianya boleh diajar kepada kanak-kanak yang lemah supaya dapat membantu mereka dalam pemelajaran. Perkara ini berhubung rapat dengan kefahaman sesuatu perkara atau situasi melalui pancaindera setelah berlakunya proses dalaman mental.

Oleh sebab pengamatan berkait rapat dengan pemikiran manusia, maka ianya merupakan suatu proses yang menimbulkan makna kepada tugas-tugas pancaindera dengan berbekalkan pertolongan dari pengalaman-pengalaman lampau yang akan tercerna dalam bentuk mod bahasa apabila ianya diperlukan yang menjadi anutan melalui Teori *Purposive Behaviourisme* yang dipelopori oleh Tolman. Sehubungan dengan itu, Ruth Srong dalam *Reading Diagnosis and Remediation* menyatakan pengamatan merupakan suatu proses yang bergantung kepada kognitif yang menjadi kepentingan dalam proses pemelajaran terutamanya, dalam pembinaan konsep yang dialami oleh murid-murid.

Melalui ujian pengamatan guru dapat mengesan masalah yang dihadapi oleh murid dalam: (1) Mengecam orientasi kedudukan, persamaan atau perbezaan bentuk, corak, saiz, warna, huruf, nombor, suku kata dan perkataan; (2) Menentukan saiz, jarak dari kiri

ke kanan serta hubungan di antara satu objek dengan objek yang lain; (3) Mengingat kembali, menyalin atau melengkapkan sesuatu bentuk, corak huruf, nombor, suku kata perkataan dan ayat; (4) Menyelaras pergerakan dan koordinasi psikomotor, kognitif dan afektif khususnya dari kanan ke kiri atau dari atas ke bawah; (5) Memahami dan mengingati sesuatu mengikut turutan; (6) memahami dan berupaya mencari jalan untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

### **Komponen Ujian Pengamatan**

Antara lain komponen ujian pengamatan adalah berikut:

1. Mendiskriminasikan persamaan yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat mencari ciri-ciri persamaan yang terdapat pada objek, bentuk, corak, warna, nombor, huruf dan sebagainya.
2. Mendiskriminasikan yang ganjil dan yang tidak sama yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat mencari ciri-ciri perbezaan yang terdapat pada objek, bentuk, corak, warna, nombor, huruf dan sebagainya.
3. Mendiskriminasikan saiz yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat membezakan saiz sesuatu objek, bentuk, corak, warna, nombor, huruf dan sebagainya.
4. Mendiskriminasikan kedudukan yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat membezakan kedudukan objek, bentuk, corak, warna, nombor, huruf dan sebagainya.
5. Mengkoordinasi kognitif, psikomotor, mata dan tangan yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat menyelaraskan pergerakan motor-tangan-mata dan kefahaman mengenai arah kiri, kanan dan sebagainya.
6. Mempertalikan jarak yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat mengagak sesuatu saiz, jarak kiri ke kanan serta antara satu hubungan objek dengan objek-objek yang lain.
7. Membantu dan membimbing, yang bertujuan untuk melatih murid supaya dapat menyelesaikan sesuatu masalah melalui aktiviti mencari jalan keluar daripada mudah kepada yang susah.
8. Membuat turutan bertujuan untuk melatih murid supaya dapat mengingati dan menyusun semula aktiviti-aktiviti bersiri.



9. Rajah latar belakang / Benda tersembunyi yang bertujuan melatih supaya dapat menyelesaikan sesuatu masalah yang abstrak.
10. Menyalin bertujuan melatih murid supaya dapat menghasilkan apa yang telah dilihat.

### Dapatan Kajian


Setelah selesai menjalankan penyelidikan, pengkaji membuat persembahan dapatan tentang data-data yang diperolehi. Data-data daripada ujian ke atas murid-murid dianalisis secara manual, termasuklah kekerapan dan peratusannya. Hasil kajian dipaparkan dalam bentuk jadual dan carta mengikut kiraan peratusan kekerapan jumlah item soalan yang betul dan jumlah item soalan yang salah merangkumi peringkat kemahiran pengamatan yang berkaitan dengan keupayaan psikomotor subjek kajian dan mengenal huruf vokal (Bahagian A) mengenal huruf vokal dan konsonan serta suku kata kv, kvk, vkk dan kkv (Bahagian B), kehadiran huruf vokal dalam kosa kata dan kehadiran suku kata kv dalam kosa kata (Bahagian C), kosa kata berasaskan gambar (Bahagian D) kehadiran dan fungsi kosa kata dalam ayat (Bahagian E).

Jadual 3 : Jumlah dan peratusan pencapaian penguasaan kosa kata asas

Bahagian	Jumlah item	Jumlah betul	Peratus betul	Jumlah salah	Peratus salah
A	640	609	95.2	31	4.8
B	640	557	87.0	83	13.0
C	640	430	67.2	210	32.8
D	256	104	40.6	152	59.4
E	384	213	55.4	171	44.5

Sebelum membincangkan masalah, terlebih dahulu dipaparkan peratusan pencapaian sampel kajian di dalam ujian yang telah dijalankan. Seterusnya masalah yang timbul dan pencapaian murid-murid tersebut dalam penguasaan kosa kata asas akan diteliti. Jadual 3 di atas menunjukkan peratusan pencapaian murid dalam ujian yang telah dijalankan.

Carta 1: Peratus Pencapaian Sampel



Di samping itu penganalisan ini juga dilakukan untuk mengetahui kebolehan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1, dan mengetahui kebolehan mereka memahami apa yang dibacanya. Dalam hal ini didapati murid-murid tidak dapat membaca dengan baik dan kebanyakan murid-murid tersebut tidak tahu dan memahami makna kosa kata yang dibaca oleh mereka. Bukti tersebut diperoleh hasil daripada pencapaian mereka dalam ujian diagnostik yang telah dijalankan.

Hasil kajian membuktikan bahawa murid-murid dapat menguasai kosa kata (perkataan) asas dalam bahasa Melayu pada peringkat huruf vokal (v) dan suku kata (sk) dengan memuaskan (Lihat bahagian A - Lulus = 95.2% dan Gagal = 4.8%, B - Lulus = 87.0% dan Gagal = 13.0% dan C - Lulus = 67.2% dan Gagal = 32.8%), tetapi apabila sampai ke bahagian kosa kata (kk) dan seterusnya kehadiran dan fungsi kosa kata tersebut di dalam ayat (Lihat bahagian D - Lulus = 40.6% dan Gagal = 59.4% dan E - Lulus = 55.4% dan Gagal = 44.5%) didapati penguasaan murid-murid tadi menjadi lebih bermasalah. Masalah ini dapat dilihat dalam usaha mereka menguasai kemahiran yang melibatkan suku kata tertutup (kvk) berbanding dengan kefahaman mereka terhadap suku kata terbuka (kv). Namun demikian ada juga di antara murid-murid tersebut dapat memahami dan menguasai bahagian-bahagian tersebut dengan baik.

Hal ini demikian kerana murid-murid tersebut tidak dapat membatang, memahami dan menulis suku kata yang mengandungi suku kata tertutup (kvk). Ini membuktikan bahawa murid-murid hanya dapat mengenali, memahami dan menulis huruf. Di peringkat yang lain pula murid-murid ini gagal memahami dan menguasai kosa kata (perkataan) yang abstrak sifatnya. Oleh itu didapati murid-murid ini hanya mampu menguasai kosa kata (perkataan) yang dianggap mudah, senang dan bersifat konkrit

untuk dikuasai oleh mereka. Pemerolehan kosa kata (perkataan) dalam bahasa Melayu tidaklah berlaku sewenang-wenang. Dalam proses pemerolehan dan penguasaan ini, murid-murid selalu menggunakan strategi simplikasi (pemudahan) bagi menggambarkan makna yang telah dikuasai oleh mereka. Namun kosa kata-kosa kata ini belum lagi mantap dalam pengetahuannya, lebih-lebih lagi tanpa dibantu dengan bahan rangsangan.

### **Cadangan**

Bagi tujuan menangani masalah ini, penyelidik telah mengaplikasikan **Modul Asas Membaca** sesuai dengan tahap kebolehan murid-murid dan sesuai dengan masa yang diperuntukan. Usaha untuk membolehkan sampel menguasai asas bacaan yang ditunjangi oleh kosa kata akan diteruskan oleh penyelidik dalam fasa kedua siri penyelidikan yang dijalankan.

Sukatan pelajaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum perlulah disusun kembali mengikut tahap kemahiran dan kesesuaian isi pelajaran yang hendak diperkenalkan kepada murid-murid. Usaha tersebut dilakukan untuk menyesuaikan dengan tahap kepelbagaian kebolehan yang dikuasai oleh mereka. Begitu juga halnya dengan saiz kelas dan bilangan murid dalam satu-satu kelas Tahun 1, perlulah dikurangkan untuk menggalakkan kaedah atau bimbingan individu dijalankan di kalangan murid-murid.

Kajian dan penyelidikan yang berterusan hendaklah dilakukan secara berterusan bagi meminimumkan atau menghapuskan masalah bacaan asas dalam kalangan pelajar Tahun 1.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz bin Talib 1983. *Menguji Bacaan Bahasa Malaysia Secara Diagnostik, Kaedah dan Teknik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Aziz Abdul Talib 1993. "Menguji Kemahiran Bahasa Prinsip, Teknik dan Contoh" dlm. *Dewan Bahasa* 37:7, hlm. 664-666.
- Abdullah Hassan 1996. *Isu-Isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Zahari bin Abu Bakar 1987. *Memahami Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: UTM.
- A. Hassan 1979. *Al-Furqan (Tafsir Al-Quran)*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Atan bin Long 1971. *Satu Penyiasatan Perbendaharaan Kata Asas Kanak-Kanak Melayu di dalam Darjah Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan bin Long 1979. *Fikiran-Fikiran tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian. "35 000 murid tak tahu membaca menulis." 12 September 2009.
- \_\_\_\_\_ . "49,996 Gagal Bahasa Melayu." 27 Februari 2001.
- Carol, John B. (ed.) 1976. *Language Thought Reality Selected Writings of Benjamin Lee Whorf*. The MIT Press, Cambridge Massachusetts, Twelfth Printing.
- Durkin, Dolore. 1972. *Phonic and the Teaching of Reading*. New York: Teachers College Press, Columbia University.
- Juriah Long 1983. *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak 1985. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Saiful Haq bin Hussin 2007. *Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.
- Muhammad Saiful Haq bin Hussin & Noor Aina Dani 2008. *Penguasaan dan Penyelidikan Bahasa*: Serdang. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 1981. *Buku Panduan Am, Kurikulum Baru Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- \_\_\_\_\_. 1993. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, SK / SRK Tahun 1. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum. (Edaran Terhad)
- Sofiah Hamid 1983. *Pendekatan Mengajar Bacaan Bahasa Malaysia di Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Nik Safiah Karim, *et al.* 1994. *Tatabahasa Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prideaux, G.D. 1984. *Psycholinguistics: The Experimental Study of Language*. C. Helm.
- Utusan Malaysia. "KBSR Masih Gagal Atasi Murid Lambam." 12 Jun 1991.
- Vijayaletchumy a/p Subramaniam 2000. "Masalah Penguasaan Kata Nama di Kalangan Kanak-kanak Pra sekolah".dlm. Dewan Bahasa. Jld. 44, hlm. 50-65